



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



KEBERKESANAN TEKNIK SQ3R DALAM KEFAHAMAN MEMBACA BAHASA TAMIL BAGI MURID TAHUN TIGA

THE EFFECTIVENESS OF SQ3R TECHNIQUE IN TAMIL READING COMPREHENSION FOR YEAR THREE STUDENTS

Rani Mariyapan^{1*}, Karthehes Ponniah²

¹ Faculty of languages and communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: M20221001768@siswa.upsi.edu.my

² Faculty of languages and communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: karthehes@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.12.2024

Revised date: 13.01.2025

Accepted date: 19.02.2025

Published date: 03.03.2025

To cite this document:

Mariyapan, R., & Ponniah, K. (2025). Keberkesanan Teknik SQ3R Dalam Kefahaman Membaca Bahasa Tamil Bagi Murid Tahun Tiga. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (57), 142-153.

DOI: 10.35631/IJEPC.1057010

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Tujuan kajian ini dijalankan untuk menilai kesan teknik SQ3R terhadap kefahaman membaca Bahasa Tamil dan juga meninjau persepsi murid terhadap penggunaan teknik SQ3R. Kajian menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen. Seramai 63 orang murid tahun tiga daripada dua buah sekolah rendah daerah Sepang dijadikan sebagai sampel kajian. Sampel kajian terbahagi kepada kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R dan kumpulan kawalan menggunakan kaedah pengajaran konvensional. Data kuantitatif dikumpul melalui pra ujian dan pasca ujian, Ujian Pemahaman Bacaan serta soal selidik. Ujian-t digunakan untuk menganalisis data dan menguji hipotesis yang dibina. Dalam kumpulan rawatan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pra dan pasca ($p = 0.000$, $p < 0.05$) dan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pasca kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan ($p = 0.04$, $p < 0.05$). Dapatan ini menunjukkan teknik SQ3R lebih berkesan dalam membantu murid meningkatkan kefahaman membaca Bahasa Tamil. Selain itu, persepsi murid terhadap penggunaan teknik SQ3R dalam kefahaman membaca adalah positif. Diharapkan kajian ini akan memberikan bimbingan kepada guru dan murid mengenai pelaksanaan teknik SQ3R dalam PdPC kefahaman membaca.

Kata Kunci:

Teknik SQ3R, Kefahaman Membaca, Bahasa Tamil, Teknik Membaca, Kemahiran Membaca

Abstract:

The purpose of this study is to evaluate the effect of the SQ3R technique on reading comprehension in Tamil and also to survey students' perceptions of the use of the SQ3R technique. The study employs a quasi-experimental design. A total of 63 year three students from two primary schools in the Sepang district were selected as the study sample. The study sample was divided into a treatment group using the SQ3R technique and a control group using conventional teaching methods. Quantitative data were collected through pre-tests and post-tests, Reading Comprehension Tests, and questionnaires. The t-test was used to analyze the data and test the constructed hypothesis. In the treatment group, there was a significant difference in the mean pre-test and post-test scores ($p = 0.000$, $p < 0.05$) and a significant difference between the post-test mean scores of the treatment group and the control group ($p = 0.04$, $p < 0.05$). These findings indicate that the SQ3R technique is more effective in helping students improve their reading comprehension in Tamil. Additionally, students' perceptions of the use of the SQ3R technique in reading comprehension are positive. It is hoped that this study will provide guidance to teachers and students regarding the implementation of the SQ3R technique in reading comprehension teaching and learning.

Keywords:

SQ3R Technique, Reading Comprehension, Tamil Language, Reading Techniques, Reading Skills

Pengenalan

Kemahiran membaca merupakan salah satu sumber kepada pengetahuan dan asas kepada pembentukan diri ke arah pembentukan ilmu pengetahuan. Selain itu, tujuan pembelajaran membaca adalah untuk memupuk sikap membaca yang positif dan meningkatkan usaha murid untuk mendapatkan maklumat dan bukan sekadar membaca. (Sylvester Jua & Norazimah Zakaria, 2023). Namun kemahiran membaca merupakan proses yang penuh dengan kesukaran dan kerumitan. Membaca melibatkan penerusan proses mekanikal yang diikuti oleh proses psikologi untuk memproses maklumat. Oleh itu, satu usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kemahiran membaca murid adalah dengan mempraktikkan teknik pembelajaran yang sesuai. (Ilham, Munirah Muhammadiyah & Muhammad Akhir, 2023). Teknik SQ3R (*Survey, Question, Read, Recite and Review*) sebagai salah satu teknik membaca yang bertujuan untuk meningkatkan penguasaan murid terhadap kefahaman membaca.

Tinjauan Literatur

Dalam kajian ini, teori konstruktivisme diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca melalui teknik SQ3R. Menurut Siska Wahyuni, Fitri Nelfia Nofitri, Wulan Say dan Darul Ilmi (2023), konstruktivisme menekankan kepada inisiatif dan komitmen murid dalam pembinaan pengetahuan secara sendiri. Seseorang murid boleh membina pengetahuan sendiri melalui pelbagai media sedia ada. Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berdasarkan teori konstruktivisme lebih mengutamakan peranan murid dan ini bertentangan dengan pengajaran konvensional yang lebih berfokuskan kepada peranan guru dalam menguasai sepenuhnya pembelajaran murid. Menurut Rahmi Agusti, Syahrul dan Ramalis Hakim (2021), peranan guru dalam pendekatan konstruktivisme ialah sebagai

fasilitator dan motivator. Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran lebih memberi tumpuan kepada pembelajaran murid berbanding dengan pengajaran guru. Berdasarkan sorotan kajian yang telah dilakukan, pengajaran dan pembelajaran berlandaskan teori konstruktivisme dapat memberi kesan positif kepada hasil pembelajaran dan boleh dijadikan sokongan kepada kajian ini untuk mengkaji hasil pembelajaran kefahaman membaca Bahasa Tamil dari aspek pengaplikasian teori melalui teknik SQ3R.

Dalam proses untuk mencapai tujuan kefahaman, perlakuan membaca adalah wajib dan tidak dapat dipisahkan. Melalui pembacaan, murid dapat meneroka maklumat dan berkongsi idea terhadap bahan bacaan yang dibaca. Spear-Swerling (2016) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis masalah utama dalam membaca yang sering dihadapi oleh murid. Ini meliputi kesukaran membaca perkataan, kesukaran memahami bacaan dan kesukaran membaca bercampur. Kajian Anjelita Sembiring dan Irna Sjafei (2023) menunjukkan bahawa sebilangan murid masih salah membaca perkataan dan ayat. Keadaan ini menyebabkan murid-murid tersebut gagal memahami teks bacaan. Manakala, kesukaran memahami bacaan adalah masalah yang dihadapi untuk memahami bacaan walaupun murid dapat mengecam perkataan dengan baik. Murid yang mengalami kesukaran memahami bacaan turut menghadapi masalah dalam memahami struktur teks dan penggunaan strategi serta kekurangan pengetahuan sedia ada lagi. Bagi kesukaran membaca bercampur pula melibatkan masalah dalam mengecam perkataan dan juga masalah memahami bacaan. Hal ini berlaku kerana mereka mempunyai kekangan dalam perbendaharaan kata, memori kerja atau pengetahuan berkaitan penggunaan strategi.

Teknik SQ3R (*Survey, Question, Read, Recite, Review*) merupakan kaedah yang digunakan untuk menambah baik teknik membaca kepada murid agar dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap kandungan bacaan dengan langkah-langkah yang sistematik. SQ3R mengandungi langkah-langkah yang berstruktur dalam membantu murid membaca dengan cepat, memperli makna daripada pembacaan. (Nur'azmi Farah Shofa, Reyhan Maulana dan Elsa Nabilla Saputri, 2023). Teknik SQ3R merupakan pendekatan pembelajaran induktif yang menerapkan kaedah secara bersistematik. Kaedah bacaan SQ3R adalah praktikal dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai pendekatan pembelajaran untuk semua mata pelajaran. Kaedah ini menjadikan murid bersemangat, penuh rasa ingin tahu untuk menjawab persoalan yang timbul dalam fikiran mereka. Aktiviti membaca akan menjadi menyeronokkan dan membolehkan murid mengingat bacaan yang telah dibaca dengan lebih lama. (Andi Nurfaida, 2023).

Penggunaan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga dibandingkan dengan teknik-teknik yang lain untuk mengkaji kesannya terhadap kefahaman membaca. Ia dapat dilihat melalui kajian oleh Indah Rizqia Putri Warganegara (2022), Pamungkas dan Suhardi (2019) dan Smith (2017). Kajian-kajian mereka menunjukkan keputusan yang berbeza berkenaan keberkesanan teknik SQ3R terhadap hasil pembelajaran. Indah Rizqia Putri Warganegara (2022) telah menggunakan teknik SQ3R dan KWL untuk meninjau keberkesananya dalam pencapaian kefahaman membaca Bahasa Inggeris di Bandar Lampung, Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik SQ3R dan KWL dapat meningkatkan kefahaman membaca Bahasa Inggeris. Namun, keberkesanan teknik SQ3R adalah lebih menonjol berbanding teknik KWL. Manakala, dapatan kajian Pamungkas dan Suhardi (2019) membuktikan teknik SQ3R dan CIRC membawa kesan yang positif terhadap kefahaman membaca murid dan teknik SQ3R lebih berkesan berbanding dengan CIRC. Manakala, kajian Smith (2017) pula menggunakan tiga teknik pembelajaran iaitu SQ3R, Nota Cornell dan Apropos Summation (ApSum) untuk menentukan kesan terhadap pembelajaran bacaan murid

melalui kaedah campuran. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa maklum balas daripada hasil temu bual oleh kebanyakan murid adalah positif terhadap teknik SQ3R dengan menyatakan teknik SQ3R dapat membantu mereka menguasai kemahiran bertanya dan menjawab soalan.

Selain membandingkan teknik SQ3R dengan teknik-teknik yang lain, terdapat juga beberapa penyelidik yang menggabungkan teknik SQ3R dengan teknik pengajaran lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk melihat kesannya terhadap kefahaman membaca (Yuliyanti, 2017; Al-Ghazo, 2015). Kajian oleh Yuliyanti (2017) yang menggunakan teknik SQ3R dan teknik pemetaan dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca Bahasa Inggeris memberi hasil dapatan yang positif. Dapatan daripada kajian tindakan tersebut menunjukkan kefahaman membaca murid bertambah baik selepas menggunakan teknik SQ3R dan pemetaan. Dapatan ini selari dengan kajian Al-Ghazo (2015) yang turut menggabungkan teknik SQ3R dan teknik pemetaan semantik dalam kefahaman membaca Bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan gabungan teknik SQ3R dan teknik pemetaan semantik lebih berkesan dan menyumbang ke arah peningkatan pembelajaran kefahaman membaca Al-Ghazo (2015) merumuskan bahawa teknik SQ3R dapat memberi panduan kepada murid yang lemah untuk memperbaiki kemahiran membaca.

Latar Belakang Kajian

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran asas bahasa yang penting dalam pembelajaran. Individu yang mempunyai kemahiran membaca dapat memahami fakta, menginterpretasi dan menganalisis bahan yang dibaca serta mampu menterjemahkan kembali kefahaman dari bahan bacaan. (Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod 2021).

Oleh itu, kaedah pengajaran yang bersesuaian dalam pengajaran kefahaman membaca perlu mengambil kira situasi dunia yang sentiasa berkembang. Teknik SQ3R merupakan satu kaedah pembelajaran yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran. Menurut Yuvinde Eka Anggita Putri, Eni Winarsih dan Kamiran (2023), teknik ini telah dipelopori oleh seorang profesor psikologi, Robinson pada tahun 1961 yang mampu diterapkan dalam pembelajaran membaca untuk meningkatkan daya ingatan dari segi pemahaman murid terhadap isi kandungan.

Penyataan Masalah

Menurut kajian Jayaganes Balanadam dan Khairul Azhar Jamaluddin (2021), murid akan mudah lupa dan tidak memahami apa yang dibaca walaupun membacanya dengan berulang kali. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa cara membaca murid berkenaan belum dapat menghasilkan kefahaman daripada pembacaan yang dilakukan.

Situasi ini juga dilihat melalui penguasaan murid dalam matapelajaran Bahasa Tamil. Veeraratchagi (2021) dalam kajiannya menyatakan bahawa murid-murid tahap 1 dan tahap 2 di SJKT mempunyai masalah menyebut huruf dengan fonetik yang betul. Beliau menambah bahawa semasa murid-murid menggunakan sebutan yang salah maka perkataan tersebut tidak mempunyai makna ataupun memberi makna yang berlainan.

Kajian Parvathy Baatinathan et al., (2022) menunjukkan bahawa murid merasakan subjek Bahasa Tamil sebagai satu subjek yang sukar difahami mahupun ditulis berbanding dengan subjek-subjek yang lain. Murid menganggap proses pembelajaran Bahasa Tamil sebagai satu proses yang mengelirukan dan menyusahkan. Oleh itu, mereka masih tidak dapat menguasai subjek Bahasa Tamil dengan baik.

Menurut Ganesh Mukayah dan Rosseni Din (2021), murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca terutamanya dalam mengeja perkataan Bahasa Tamil dan tidak mengambil inisiatif untuk membaca secara tersendiri malah mereka hanya membaca di sekolah sahaja. Hal ini kerana murid berasa bosan untuk membaca. Oleh kerana terdapat beberapa masalah dalam pembelajaran kefahaman membaca, maka kajian ini menggunakan teknik SQ3R untuk mengatasi masalah ini.

Soalan Kajian

- i. Apakah perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R dengan kumpulan kawalan?
- ii. Apakah tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R?
- iii. Sejauhmanakah tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca Bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan?

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti perbezaan pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R dengan kumpulan kawalan.
- ii. Mengenal pasti tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R.
- iii. Mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca Bahasa Tamil bagi kumpulan rawatan.

Hipotesis Kajian

1. Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R.
2. Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap pencapaian kefahaman membaca dalam skor min ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
3. Tidak terdapat perbezaan antara tahap penguasaan kefahaman membaca mengikut kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal bagi kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berdasarkan reka bentuk kuasi-eksperimen yang merangkumi ujian pra dan ujian pasca. Kajian ini menggunakan reka bentuk ujian pra-pasca kumpulan-kumpulan tidak seimbang. Seramai 63 orang murid tahun tiga daripada dua buah sekolah rendah daerah Sepang dijadikan sebagai sampel kajian. Jadual 1 menunjukkan bilangan sampel kajian bagi kedua-dua kumpulan.

Jadual 1: Sampel Kajian

Kumpulan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Rawatan	15	17	32
Kawalan	13	18	31
Jumlah murid			63

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah Ujian Pemahaman Bacaan (UPB) dan borang soal selidik tahap penerimaan murid terhadap penggunaan teknik SQ3R.

Ujian Pemahaman Bacaan (UPB)

Petikan naratif yang digunakan dalam ujian UPB dipilih dari buku aktiviti Bahasa Tamil Tahun 3. Petikan tersebut diambil dari buku aktiviti lain selain buku teks supaya mengelakkan murid mengingati kandungan yang pernah dipelajari. Ujian ini mengandungi lapan soalan pemahaman. Jadual Spesifik Ujian (JSU) dan skema jawapan bagi ujian UPB turut disediakan.

Soal Selidik

Soal selidik kajian ini mengandungi 15 item yang bertujuan mengenal pasti tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R. Soal selidik ini menggunakan emotikon bagi mewakili setiap Skala Likert Empat Mata, iaitu (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Setuju dan (4) Sangat setuju.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Sebelum ujian dan borang soal selidik diberikan kepada murid, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen perlu dilakukan untuk memastikan instrumen tersebut dapat mengukur apa yang perlu diukur secara tepat.

Kesahan Ujian UPB

Seramai tiga orang guru yang mempunyai kepakaran dalam bidang Bahasa Tamil mengesahkan instrumen kajian. Jadual 2 merupakan keputusan kesahan instrumen bagi ujian UPB dengan purata pencapaian sebanyak 91.66%. Ini menunjukkan instrumen UPB mencapai kesahan yang tinggi kerana menurut Tuckman dan Waheed (1981) kesahan yang tinggi perlu mencapai peratusan melebihi 70.

Jadual 2: Keputusan Pencapaian Kesahan Instrumen Ujian Upb

Bil	Pakar Penilai	Pencapaian Kesahan Kandungan
1	Pakar 1	90.6%
2	Pakar 2	93.8%
3	Pakar 3	90.6%
	Purata	91.66%

Kesahan Soal Selidik

Kesahan instrumen soal selidik kajian ini turut dijalankan oleh tiga orang guru pakar yang sama seperti dalam jadual 2. Kesahan bagi soal selidik adalah tinggi dengan 92% peratus atau pekali kesahan 0.92.

Jadual 3: Keputusan Kesahan Instrumen Soal Selidik

Bil	Pakar Penilai	Pencapaian Kesahan Kandungan
1	Pakar 1	95.8%
2	Pakar 2	91.6%
3	Pakar 3	91.6%
	Purata	93.05%

Kebolehppercayaan Ujian Pemahaman Bacaan (UPB)

Menurut Noraini Idris (2010), murid yang sama akan menjawab ujian UPB seminggu selepas ujian pertama dijalankan. Skor ujian 1 dan 2 dibandingkan dan indeks kebolehppercayaan ditentukan melalui nilai pekali kolerasi Pearson (Bryman, 2012). Jadual 4 menunjukkan nilai $r = 0.985$ manakala $p = 0.00 < 0.05$. Maka item-item dalam ujian ini sesuai digunakan dalam kajian yang sebenar.

Jadual 4 : Nilai Pekali Kolerasi Pearson Bagi Ujian Upb

		Ujian Pra 1	Ujian Pra 2
Ujian Pra 1	<i>Pearson Correlation</i>	1	.985**
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.000
	<i>N</i>	12	12
Ujian Pra 2	<i>Pearson Correlation</i>	.985**	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000	
	<i>N</i>	12	12

**Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.00 (2-tailed)

Kebolehppercayaan Soal Selidik

Kebolehppercayaan soal selidik diperoleh melalui penggunaan analisis statistik *Alpha Cronbach* untuk memperoleh nilai *Alpha*. Nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi adalah seperti Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Ujian Kebolehppercayaan (*Reliability Test*)

Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Jumlah Item
0.737	15

Soal selidik tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R mempunyai nilai kolerasi *Alpha Cronbach* sebanyak 0.737. Menurut Hair et al. (2009) nilai alpha Cronbach antara 0.80 hingga 0.89 adalah sangat baik. Ini membuktikan bahawa item-item dalam soal selidik tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R adalah berada pada tahap yang sangat baik serta munasabah untuk dipercayai.

Kaedah Analisis Data

Perisian SPSS versi 29.0 digunakan untuk memproses data yang dikumpul. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang menggunakan Ujian-t Sampel Bebas dan Ujian-t Sampel Berpasangan untuk menguji hipotesis yang telah dibina.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan***Perbezaan Signifikan Terhadap Pencapaian Kefahaman Membaca Dalam Skor Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Rawatan Yang Menggunakan Teknik SQ3R***

Untuk menguji hipotesis nul pertama, Ujian-t sampel berpasangan digunakan. Jadual 6 menunjukkan nilai-t ialah 0.000. Maka terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan ujian pasca bagi rawatan dengan nilai p yang diperolehi pada aras signifikan > 0.05 .

Jadual 6: Analisis Ujian-T Berpasangan Terhadap Skor Min Ujian Pra Dan Pasca UPB Bagi Kumpulan Rawatan

		(n=32)				
Kumpulan	Ujian	Min	SP	Nilai t	df	Signifikan
Rawatan	Pra UPB	51.23	16.48	-10.41	31	.000
	Pasca UPB	62.28	17.74			

Sig, $p < 0.05$ ***Perbezaan Signifikan Terhadap Pencapaian Kefahaman Membaca Dalam Skor Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan.***

Untuk menguji hipotesis nul kedua, Ujian-t sampel bebas digunakan. Keputusan ujian-t sampel bebas adalah seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7: Analisis Ujian-T Bebas Terhadap Skor Min Ujian Pasca UPB Bagi Kumpulan Rawatan Dan Kawalan

Ujian	Kumpulan	N	Min	SP	Nilai t	df	Signifikan
Pasca UPB	Rawatan	32	62.28	17.74	2.09	61	0.04
	Kawalan	31	53.54	15.19	2.10	60	0.04

Sig, $p < 0.05$

Hasil analisis seperti dalam Jadual 7 menunjukkan nilai $t(61) = 2.09$, $p = 0.04$. Oleh kerana $p < 0.05$, maka terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pasca bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan terhadap pencapaian kefahaman membaca. Kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan skor yang lebih tinggi dalam kefahaman membaca setelah diberikan pendedahan terhadap teknik SQ3R jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian-kajian lepas (Faznuhal, Nurfaizah AP dan Nursiah, 2023; Sri Yanti, 2022; Neneng Komariah, 2021). Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa prestasi pencapaian kumpulan rawatan yang menggunakan teknik SQ3R adalah lebih tinggi berbanding dengan pencapaian kumpulan kawalan.

Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Mengikut Kategori Kefahaman Literal, Inferens Dan Kritikal Bagi Kumpulan Rawatan

Jadual 8 menunjukkan bahawa kategori kritikal adalah tertinggi dengan perbezaan min sebanyak 1.56. Tahap penguasaan kategori kritikal juga meningkat dari tahap penguasaan 3 kepada tahap penguasaan 5. Manakala, kategori literal berada pada tahap 4. Kategori inferens pula meningkat dari tahap 3 ke tahap 4. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan kefahaman membaca bagi kumpulan rawatan telah meningkat secara nyata dalam kategori literal, inferens dan kritikal setelah diberi pendedahan melalui teknik SQ3R.

Jadual 8: Skor Min Dan Tahap Penguasaan Kefahaman Membaca Kumpulan Rawatan Berdasarkan Kategori Kefahaman (Literal, Inferens Dan Kritikal).

Kategori	Ujian	Min	SP	Perbezaan Min	Tahap Penguasaan
Literal	Pra	6.25	2.09	+0.94	4
	Pasca	7.19	2.14		4
Inferens	Pra	5.91	1.82	+0.78	3
	Pasca	6.69	1.90		4
Kritikal	Pra	2.91	1.22	+1.56	3

Nota: Tahap Penguasaan (1: masih belum menguasai, 2: memerlukan penambahbaikan, 3: dapat menguasai, 4: memuaskan, 5: sangat baik, 6: cemerlang)

Analisis Borang Soal Selidik Tahap Penerimaan Teknik SQ3R

Jadual 9 menunjukkan bahawa skor min paling tinggi ialah item 6 dengan skor min 3.34 dan sisihan piawai 0.54. Dapatan item soal selidik ini disokong oleh kajian Adila dan Weganofa (2018) yang mendapati teknik SQ3R mampu membangkitkan semangat murid dalam proses pembelajaran. Manakala skor min paling rendah ialah item 12 memaparkan skor min sebanyak 2.72 dengan sisihan piawai 0.95. Hal ini kerana murid hanya didedahkan dengan teknik SQ3R bagi mata pelajaran Bahasa Tamil dan tidak mempunyai pengalaman untuk mengaplikasikan teknik tersebut dalam mata pelajaran yang lain.

Jumlah skor min bagi kesemua item adalah 3.11 dengan sisihan piawai 0.82. Maka, tahap penerimaan murid terhadap teknik SQ3R bagi kumpulan rawatan adalah berada pada tahap tinggi. Ia menunjukkan bahawa majoriti murid sangat setuju dengan pelaksanaan teknik SQ3R dalam pembelajaran kefahaman membaca.

Jadual 9 : Statistik Tahap Penerimaan Murid Terhadap Teknik SQ3R

Bil	Item /Kenyataan	Min	SP	Tahap
1.	Saya suka menggunakan teknik SQ3R.	3.16	0.88	Tinggi
2.	Teknik SQ3R sangat menarik.	3.22	0.83	Tinggi
3.	Teknik SQ3R mudah digunakan.	3.31	0.74	Tinggi
4.	Saya tahu menggunakan teknik SQ3R.	3.06	0.87	Tinggi
5.	Saya boleh menerima teknik SQ3R.	3.31	0.73	Tinggi
6.	Saya ingin menggunakan teknik SQ3R dalam pembelajaran.	3.34	0.54	Tinggi
7.	Teknik SQ3R memudahkan proses pembelajaran.	3.19	0.82	Tinggi
8.	Saya lebih mudah memahami teks selepas menggunakan teknik SQ3R.	3.19	0.82	Tinggi
9.	Saya lebih yakin terhadap pembelajaran kefahaman membaca setelah menggunakan teknik SQ3R.	3.06	0.87	Tinggi
10.	Saya sedaya upaya menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.	2.78	0.94	Sederhana
11.	Saya berpuas hati dengan prestasi saya ketika menggunakan teknik SQ3R.	3.03	0.86	Tinggi
12.	Saya akan menggunakan teknik SQ3R dalam matapelajaran yang lain.	2.72	0.95	Sederhana
13.	Teknik SQ3R membantu saya meningkatkan keupayaan kefahaman membaca.	2.91	0.96	Sederhana
14.	Saya akan menggunakan teknik SQ3R untuk memahami teks.	3.25	0.76	Tinggi
15.	Saya berharap guru dapat memberi peluang kepada saya untuk menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran.	3.25	0.76	Tinggi

Jumlah	3.11	0.82
Tahap Penerimaan	Tinggi	
Nota : Tahap skor min: Rendah 1.00-2.00; Sederhana 2.01-3.00; Tinggi 3.01-4.00		

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya dilaksanakan dengan menggunakan teknik SQ3R sebagai kaedah intervensi. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian murid dalam kefahaman membaca Bahasa Tamil secara positif selepas menggunakan teknik SQ3R. Penggunaan teknik SQ3R juga telah meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kategori kefahaman literal, inferens dan kritikal. Murid dapat menerima pengaplikasian teknik SQ3R dengan baik dan ingin menggunakan teknik SQ3R dalam proses pembelajaran kefahaman membaca. Dengan ini, penggunaan teknik SQ3R dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu diperluaskan.

Penghargaan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada tuhan kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof.Madya.Dr. Karthegees Ponniah, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan.

Terima kasih kepada pihak Bahagian Tajaan Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia) kerana telah menganugerahkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ini. Terima kasih juga kepada pihak sekolah, kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data.

Ucapan terima kasih kepada arwah suami tersayang En.M. Mahadevan, kedua-dua anak yang saya kasihi, M. Karthikgeyan dan M. Thiruyyaalineee atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Rujukan

- Adila, D.N.Y.O., & Weganofa, R. (2018). *The effect of SQ3R strategy on students' reading comprehension*. Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastra, 5(1), 48-57.
- Agusti, R., R, S., & Hakim, R. (2021). Peningkatan Kemampuan Menulis Narasi Berbasis Pendekatan Konstruktivisme di Sekolah Dasar. Jurnal Basicedu, 5(2), 930–942.

- Al-Ghazo, A. (2015). *The effect of SQ3R and semantic mapping strategies on reading comprehension learning among Jordanian University students*. International 32 Journal of English and Education, 4(3), 92-106.
- Balanadam, J., & Jamaluddin, K. A. (2021). Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca dikalangan murid sekolah rendah di Malaysia. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(4), 127-135.
- Bryman, A., & Cramer, D. (2012). *Quantitative data analysis with IBM SPSS 17, 18 & 19: A guide for social scientists*. Routledge.
- Fitri, S. W., Nofitri, N., Say, W., & Ilmi, D. (2023). Teori Belajar Konstruktivistik dan Penerapannya Dalam Pembelajaran PAI. ANTHOR: Education and Learning Journal, 2(3), 434-439.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2009). *Multivariate data analysis. Upper Saddle River, NJ [etc.]*. Pearson Prentice Hall, New York, NY: Macmillan, 24, 899.
- Halili, S. H., & Razak, R. A. (2022). Penerimaan Murid Bahasa Tamil Terhadap Kaedah Pembelajaran Berbalik. *Journal of Educational Research*, 40, 14-24.
- Hamzah, I. N. S., & Mahamod, Z. (2021). Strategi Pengajaran Dalam Talian Yang Digunakan Oleh Guru Bahasa Melayu Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Sekolah Rendah (*Online Teaching Strategies Used by Malay Language Teachers in Improving Reading Primary School Students*). Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 11(2), 54-67.
- Idris, N. (2009). Enhancing students' understanding in calculus through writing. International Electronic Journal of Mathematics Education, 4(1), 36-55.
- Ilham, I., Munirah, M., & Akhir, M. (2023). Perbandingan metode SQ3R metode CIRC terhadap kemampuan membaca pemahaman siswa. Jurnal Basicedu, 7(2), 1332-1338.
- Komariah, N. (2021). Penerapan Metode SQ3R Dalam Meningkatkan Kemampuan Membaca Pemahaman dan Hasil Belajar Materi Teks Tanggapan. Jurnal Pijar: Pendidikan dan Pembelajaran, 5(1).
- Maulana, R., & Saputri, E. N. (2023). Peran Ilmu Pengetahuan Teknologi Dalam Pengembangan Desain Bahan Ajar Pendidikan Agama Islam Menggunakan Metode Sq3r Pada Jenjang Sekolah Dasar. Religion: Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya, 1(5), 1071-1076.
- Mukayah, G., & Din, R. (2021). Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan Bahasa Tamil Murid Tahun 4 dengan Penggunaan Augmented Reality (AR). *Journal of Personalized Learning*, 4(1), 23-36.
- Nurfaizah, A. P., & Nursiah, S. (2023). Penerapan Model SQ3R (*Survey, Question, Read, Recite, And Review*) untuk Meningkatkan Keterampilan Membaca
- Pamungkas, S., & Suhardi, S. (2019). *The influence of Cooperative Intergerative 05-4506832 Reading and Composition (CIRC) and Survey, Question, Read, Recite, Review bupa (SQ3R) on ability reading comprehension of elementary school*. KnE Social Sciences, 546-556.
- Pemahaman Pada Siswa Kelas V SD. Jurnal Metafora Pendidikan (JMP), 1(1), 58-70.
- Putri, Y. E. A., & Winarsih, E. (2023). Peningkatan Kemampuan Membaca Peta Konsep Buku Fiksi Dengan Menggunakan Metode SQ3R Pada Siswa Kelas VIII F SMPN 1 Bringin. Al Qodiri: Jurnal Pendidikan, Sosial dan Keagamaan, 21(1), 141-152.
- Sembiring, A., & Sjafei, I. (2023). Peningkatan Kemampuan Membaca Pemahaman Menggunakan Metode SQ3R pada Siswa SMK Kahuripan 1 Jakarta. Tematik: Jurnal Penelitian Pendidikan Dasar, 2(1), 140-148.
- Smith, A.L. (2017). SQ3R, Cornell Notes, ApSum: *The Impact of Three Content Literacy Strategies on Student Learning and the Perceptions of These Strategies Held by Fifth-*

- Grade Teachers and Students* (Doctoral dissertation). Northern Arizona University, USA.
- Spear-Swerling, L. (2016). *Common types of reading problems and how to help children who have them*. *The Reading Teacher*, 69(5), 513-522.
- Tuckman, B.W., & Waheed, M.A. (1981). *Evaluating an individualized science programmed for community college student*. *Journal of research in Science Teaching*, 18, 489-495.
- Warganegara, I. R. P. (2022). *The Comparison Of The Strategies Of Know, Want, Learn (Kwl) And Survey, Question, Read, Recite, And Review (Sq3r) On Students' reading Comprehension Achievemnet With Different Perceptions* (Doctoral Dissertation, Lampung University).
- Yanti, S. (2022). Penerapan Metode Sq3r Untuk Meningkatkan Keterampilan Membaca Teks Narrative Pada Mata Pelajaran Bahasa Inggris. *Language: Jurnal Inovasi Pendidikan Bahasa Dan Sastra*, 2(1), 94-106.
- Yuliyanti, I. (2017). *The use of SQ3R and mapping strategies to improve students' reading comprehension at the tenth-grade students of Man Salatiga in the academic year 2017/2018*. *English Education*, 113(13), 123.